

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 17.6.2014

SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan Skim Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan hasil yang dicapai daripada peruntukan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diperuntukkan dana penyelidikan bagi tahun 2011 hingga 2014 sebanyak RM1.3billion untuk menjalankan penyelidikan fundamental kepada kakitangan akademik di IPTA, IPTS, Universiti Cawangan, Politeknik dan Institut Penyelidikan dalam Negara.

Penyelidikan fundamental merupakan penyelidikan asas yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baru demi perkembangan ilmu. Dana penyelidikan ini disediakan untuk menghasilkan *mass critical* (penyelidik utama) dan penghasilan modal insan berpengetahuan tinggi (**Graduan Phd** dan **Master**) di bawah dana penyelidikan fundamental KPM. Bagi tempoh 2011 hingga 2013 sebanyak 5,243 projek diluluskan di mana setiap projek melibatkan 3 hingga 4 penyelidik bersama dan ia menjadikan *mass critical* yang menjalankan penyelidikan dari dana penyelidikan fundamental KPM

seramai 15,000 hingga 20,000 penyelidik. Manakala penghasilan modal insan dari dana penyelidikan fundamental sehingga Februari 2014 adalah sebanyak 2674 pelajar PhD dan sebanyak 4264 pelajar Sarjana. Sehubungan itu, sebanyak 4963 penerbitan dihasilkan dan 6008 pembentangan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Rjm83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG
MALIM]**

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 31

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan semua kemudahan dan aspek keselamatan di KLIA 2 yang baru dibuka itu dikawalselia dengan berkesan untuk menjamin keselamatan dan keselesaan para penumpang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan melalui Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) percaya bahawa soal keselamatan lapangan terbang termasuk KLIA2 telah menjadi keutamaan semua pihak di Negara ini. Peraturan-peraturan berhubung isu keselamatan di lapangan terbang adalah sentiasa dipatuhi dan mengikut piawaian antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan di bawah *Annex 17-Aviation Security, International Civil Aviation Organisation (ICAO)*.

Bagi memastikan soal kemudahan dan aspek keselamatan dikawaselia dengan baik, pihak MAHB akan menjalankan pengauditan berkala setiap tahun melalui *Airport Service Quality (ASQ)* yang dijalankan di setiap lapangan terbang di negara ini. Pada masa yang sama, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) membuat audit pematuhan kepada piawaian ICAO.